

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON
[TEBRAU]**

TARIKH : 14 DISEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON [TEBRAU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha Kerajaan bagi memantapkan lagi Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 kerana terdapat beberapa isu tertentu yang perlu diberikan perhatian secara khusus seperti keselamatan dan immuniti pemberi maklumat.

JAWAPAN

**YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) telah menubuhkan satu Jawatankuasa Kerja bagi menyemak Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711]. Pada masa ini, kajian semakan pindaan Akta 711 berada dalam fasa pengumpulan input daripada pelbagai pihak berkepentingan iaitu agensi penguatkuasaan seperti Polis diRaja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Kastam diRaja Malaysia (KDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SECCOM).

Kajian semakan ini melihat semua isu secara menyeluruh termasuk aspek keselamatan dan kekebalan (*immunity*) kepada pemberi maklumat. Jawatankuasa dijangka akan melengkapkan kajian mereka pada suku pertama tahun 2021 sebelum syor dikemukakan untuk pertimbangan dan kelulusan Kerajaan. Selain daripada cadangan pindaan Akta 711 ini, BHEUU, JPM juga turut akan mengadakan sesi libat urus dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi memperkenalkan dan memperluaskan penggunaan Akta ini di kalangan agensi penguatkuasa di PBT.

Sekian, terima kasih.